sam
singaporeartmuseum
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA



Hilang & Ditemui: Bagaimana Kita Mengingat

Ibarat pesisir pantai yang berubah mengikut setiap pukulan ombak, apa yang kian pudar daripada ingatan boleh muncul semula dalam bentuk baharu serta membawa makna yang berbeza.

Hilang & Ditemui: Bagaimana Kita Mengingat menelusuri bagaimana ingatan terus kekal—sama ada melalui tubuh, bahasa dan bunyi, mahupun menerusi objek dan tempat. Dengan menghimpunkan karya daripada 17 artis dari Asia dan rantau lain, pameran ini menyoroti sejarah yang pernah terlepas pandang, kabur, atau berisiko untuk lenyap. Sebahagian artis mengangkat kisah peribadi, manakala yang lain berkarya menggunakan bahasa yang hampir pupus serta tradisi lisan bagi mengkaji bagaimana perubahan alam sekitar mencorakkan apa yang kita ingat.

Bagaimana Kita Mengingat merupakan bahagian terakhir bagi *Hilang & Ditemui* (2023–2026), sebuah projek berbilang fasa di SAM yang mempersoalkan peranan arkib serta perkara yang mampu dipeliharanya dalam dunia masa kini. Fasa-fasa terdahulu telah meneroka pelbagai cara untuk mengekalkan ingatan, antaranya melalui lagu (*Projek Lagu Pelaut*, 2024), pergerakan tubuh (*Arkib Berjasad*, 2024), serta penyelidikan dan perbincangan (*Cincin*, 2026). Secara keseluruhannya, projek ini bertujuan memahami bagaimana para artis menghimpunkan cebisan-cebisan pengalaman dan kisah, lalu membentuk perkara-perkara yang mungkin kurang dikenali atau tidak kelihatan.



1 Shubigi Rao
Sungai Dakwat II
Kawasan Pelagik

2 Budi Agung Kuswara
Sangat Mudah dan Praktikal

3 Zhang Wenzhi
Paus Lautan
Peta Lautan

4 Candice Lin
Meresap, Mereput, Berehat, Menitis
Kebiruan

5 Chia-Wei Hsu
Gunung Berapi dan Pencak Silat

6 Ismail Hashim
Penunggu-penunggu Surat Sepanjang Jalan Bagan Serai
Tempat Duduk Basikal-basikal Buruh Pelabuhan Pulau Pinang
Bahagian Dapur, Siang Malam, Luar Dalam (Bhg. 1 &2)

7 Minstrel Kuik
RROSE: Kisah Dua Dunia

8 Wang Tuo
Tungus

9 Kaede Yamato
Duduk dalam Waktu
Origami Pangkalan

10 Susan Hiller
Hilang dan Ditemui

11 Amy Suo Wu
dengan kerjasama Sarafina Paulina Bonita, Sami Hammana, Karen Huang dan Sandim Mendes
Shapeshifty

12 ila
dengan kerjasama Alysha Rahmat Shah dan Jennifer O'Connor
mantera apotropaik

13 Vincent Rumahloine
Jangan Kata Aku Wira: Finale

14 Leyla Stevens
PAHIT MANIS, Hutan Malam

15 Nona Garcia
Pemulihan

16 Jewyo Rhii
Depot Pusingan – Singapura Seoul

Hilang & Ditemui: Stesen Pembelajaran

① Shubigi Rao

Sungai Dakwat II

2023

300 buah buku buatan tangan yang direndam dalam dakwat

Kawasan Pelagik

2018

Video, gambar foto

Video: HD, saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, berwarna dan bersuara (stereo), 24 minit 39 saat

Sungai Dakwat II mendapat ilham daripada peristiwa Pengepungan Baghdad pada tahun 1258, apabila tentera Mongol memusnahkan Rumah Hikmah dan mencampakkan buku-bukunya ke dalam Sungai Tigris. Mengimbas kembali catatan mengenai air sungai yang bertukar menjadi hitam akibat dakwat, karya instalasi ini menampilkan 300 buah buku buatan tangan yang dipenuhi kata-kata serta lukisan, dan direndam dalam dakwat hitam. Buku-buku ini disusun dalam keadaan tidak stabil di atas tiga pelantar. Dengan keadaan yang melengkung, renyuk dan hampir hancur, helaian halamannya memaparkan cebisan frasa mengenai kemusnahan, nasionalisme, penghakisan budaya, kebebasan bersuara dan konsumerisme. Melalui proses kemerosotan secara fizikal buku-buku tersebut, karya ini mencerminkan kerapuhan ilmu dan ingatan apabila berdepan dengan kemusnahan budaya. Ia juga meneliti sama ada tindakan penghapusan itu sendiri boleh dianggap sebagai satu bentuk penentangan.

Sementara *Sungai Dakwat II* menyentuh tentang kemusnahan ilmu yang dilakukan secara sengaja, *Kawasan Pelagik* pula meneliti kehilangan yang berpunca daripada alam semula jadi. Filem ini mengisahkan cerita rekaan tentang seorang pegawai kolonial British, S. Raoul, yang menemui sebuah buku mengenai penyeludup yang membawa muatan buku di laut. Tiga keping gambar buku yang basah kuyup dipamerkan bersama filem tersebut, menggambarkan betapa sukarnya misi para penyeludup itu. Karya ini dihasilkan susulan bencana banjir besar di Kerala, India pada tahun 2018, dengan mengaitkan hubungan antara hujan monsun yang amat lebat dan kuasa laut yang dahsyat.

Secara keseluruhannya, karya-karya ini menyoroti kelangsungan buku, ilmu dan ingatan yang berada dalam keadaan terancam, baik akibat keganasan manusia mahupun kuasa alam semula jadi.

② Budi Agung Kuswara

Sangat Mudah dan Praktikal

2019

Loyang, sianotip, akrilik pada kanvas

Koleksi Muzium Seni Singapura

Dengan menggunakan imej arkib yang dilabel atau dikategorikan secara sambil lewa, Budi Agung Kuswara menukarkan imej daripada koleksi institusi Belanda kepada negatif filem bersaiz besar. Ini termasuk imej dari Tropenmuseum (kini dikenali sebagai Wereldmuseum) dan Rijksmuseum di Amsterdam. Di sisi bahan organik seperti tangkai padi, negatif filem ini diletakkan di atas kanvas yang lazimnya digunakan untuk seni lukis tradisional Bali yang dikenali sebagai *kamasan*. Kanvas tersebut kemudian didedahkan kepada cahaya matahari untuk menghasilkan sianotip berukuran besar.

Karya sianotaip ini menampilkan dua susuk utama: Bupati Karangasem, I Gusti Bagus Jelantik, dan anak sulungnya, Anak Agung Gede Djelantik. Malangnya, dokumentasi imej Tropenmuseum tidak mencatatkan nama mereka, sebaliknya melabelkan mereka secara umum sebagai "Radja van Karangasem" (Raja Karangasem). Sebagai satu bentuk kritikan terhadap cara muzium yang cuai dalam menggambarkan susuk-susuk ini, artis melukis buah-buahan, bunga-bungaan, fosil, dan makhluk di sekeliling mereka, yang merujuk kepada tradisi kerohanian Bali iaitu *banten* (bahan persembahan). Dengan memasukkan unsur persembahan ini ke dalam imej tersebut, artis memberikan pengiktirafan kepada susuk-susuk yang tidak bernama ini serta memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada mereka. Karya ini memberi gambaran bahawa arkib bukanlah sekadar tempat penyimpanan yang statik, sebaliknya merupakan koleksi hidup yang boleh dituntut semula dan ditafsirkan kembali melalui intervensi yang difikirkan dengan teliti.

③ Zhang Wenzhi

Paus Lautan

2025

Dakwat dan kicap soya pada kertas, skrin kayu jati

Peta Lautan

2024

Dakwat pada skrol kertas beras

Dengan merujuk kepada spesimen taksidermi dari Muzium Sejarah Semula Jadi Dalian, karya-karya ini meneliti sejarah kampung halaman Zhang Wenzhi. Beliau menyampaikan kisah visual yang menggabungkan cerita klasik dengan bahan arkib daripada dokumen peribadi dan kerajaan.

Paus Lautan ialah karya seni enam panel yang menggambarkan suasana lautan seakan-akan dalam mimpi, di mana legenda rakyat bertemu dengan industri moden. Pada satu bahagian, seekor ibu paus dan anaknya membawa dewi laut Mazu merentasi Laut Jepun, ditemani oleh makhluk prasejarah dan mitos dari kawasan tersebut. Rangka ibu paus itu kelihatan jelas seperti pameran saintifik. Di celah tulang rusuknya terletak pergunungan Sakhalin yang bersempadan dengan Laut Jepun, sekali gus mengaitkan nasib paus itu dengan wilayah tersebut. Di bahagian atasnya, sebuah kapal pemburu paus dan sebuah bot perdagangan memberi bayangan tentang kesan industri komersial. Bahagian belakang panel memaparkan tumbuhan laut dengan latar belakang kosong, membayangkan ketenangan laut dalam atau kekosongan yang ditinggalkan oleh aktiviti manusia.

Komposisi karya *Peta Lautan* mengguna pakai gaya peta empayar. Garis pantai, pulau, dan laluan laut disusun bukan mengikut pandangan pelaut, sebaliknya melalui perspektif sesebuah negara yang sedang meninjau wilayahnya. Merentasi perairan yang dipetakan ini, sekumpulan paus bergerak menyusuri Laluan Laut Deng-Lai, iaitu laluan bersejarah yang menghubungkan pantai Shandong dengan Semenanjung Liaodong. Ia seolah-olah satu perjalanan ziarah untuk menemui Mazu, dewi yang disanjungi oleh masyarakat pelaut. Seperti *Lautan Paus*, karya gulungan ini menggabungkan perincian saintifik dengan makna kerohanian, sekali gus memperlihatkan betapa eratnya hubungan antara sejarah manusia, mitos, dan alam semula jadi.

④ Candice Lin

Meresap, Mereput, Berehat, Menitis

2021

Panel celupan indigo dengan teknik cetakan tangan (*katazome*) dan lukisan tangan (*tsutsugaki*), batang keluli, permaidani celupan, seramik berglazur, resin epoksi, bulu, fabrik cetakan blok dan cetakan digital (topeng), loceng, jumbai, pelbagai objek kecil

Koleksi Walker Art Center, Minneapolis Justin Smith Purchase Fund, 2022

Kebiruan

2021

Video, saluran tunggal, nisbah aspek 4:3, warna dan bunyi (stereo), 4 minit 45 saat

Dengan ihsan daripada artis dan François Ghebaly, Los Angeles, New York

Karya instalasi ini menampilkan struktur seakan-akan khemah yang diselubungi fabrik berwarna indigo hasil celupan tangan, serta dipenuhi dengan hamparan permaidani dan patung kucing seramik. Pengunjung dijemput untuk masuk dan merasai pengalaman di ruang yang digelar oleh artis tersebut sebagai "kuil kucing"; ia mencerminkan minat beliau terhadap cara-cara lebih daripada manusia dalam merasai dan memahami dunia, sekali gus mengalihkan perhatian kita melangkaui perspektif yang berpusatkan manusia.

Lin membangunkan karya instalasi ini di studionya di Los Angeles semasa tempoh sekatan pergerakan akibat pandemik COVID-19, ketika kebakaran hutan sedang marak di kawasan sekitarnya. Tajuk karya ini merujuk kepada perasaan terasing, dukacita, dan ketidaktentuan yang dialaminya, serta proses-proses yang digunakan untuk menghasilkan karya tersebut. Bagi menghasilkan pewarna untuk fabriknya, Lin menanam, menuai, dan menapai tumbuhan indigo. Proses penapaian itu melibatkan penguraian—atau pereputan—sebagai satu proses transformasi yang melahirkan bentuk dan warna baharu.

Indigo mempunyai sejarah yang berkait rapat dengan perdagangan dan eksploitasi era penjajahan. Penghasilan dan pengedarannya dikaitkan dengan pelbagai bentuk tenaga kerja yang dipaksa dan dieksploitasi, termasuk perhambaan dan sistem buruh terikat. Dengan menanam dan memproses sendiri tumbuhan tersebut, Lin mendalami sejarah-sejarah ini serta meneroka bagaimana masa lampau terus wujud bukan sahaja dalam bentuk dokumen, malah pada tumbuhan, tubuh badan, dan proses-proses tertentu.

⑤ Chia-Wei Hsu

Gunung Berapi dan Pencak Silat

2026

Video, 2 saluran, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 4 minit 30 saat

Dipesan oleh Muzium Seni Singapura

Gunung Berapi dan Pencak Silat memaparkan dua filem sebelah menyebelah. Satu video menghimpunkan 250 filem dokumentari dari rantau ini yang dibikin antara 1913 dan 1945 dan disimpan di Eye Filmmuseum, Amsterdam. Filem-filem ini digunakan untuk melatih model AI Chia-Wei-Hsu yang telah menjana imej yang dipamerkan dalam karya. Video lagi satu mengandungi rakaman Chia sendiri tentang persembahan Pencak Silat di Gunung Bromo, Jawa Timur.

Pencak Silat ialah seni mempertahankan diri dari Kepulauan Indonesia-Malaysia dan menggabungkan teknik berlawan, amalan fizikal dan kerohanian, dan tarian. Hsu mencadangkan bahawa pada zaman kolonial, apabila seni mempertahankan diri tidak digalakkan, teknik-teknik pertahanan diri mungkin diselindung dalam tarian dan ritual untuk mengekalkan tradisi. Hsu menghidupkan gagasan ini dengan cubaan membina semula sejarah menggunakan AI, menunjukkan bahawa tradisi boleh dilihat melalui rekod arkib, imaginasi kreatif dan teknologi.

Karya ini mengetengahkan eksperimentasi sebagai suatu penerokaan terbuka untuk meneliti bentuk-bentuk ekspresi baharu yang terhasil melalui penggunaan teknologi ini, seiring dengan perkembangan peranan AI dalam dunia seni.

⑥ Ismail Hashim

(Dari kiri ke kanan)

Penunggu-penunggu Surat Sepanjang Jalan Bagan Serai
1993
Cetakan perak gelatin tona berwarna tangan
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Tempat Duduk Basikal-basikal Buruh Pelabuhan Pulau Pinang
1993
Cetakan perak gelatin tona berwarna tangan
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Bahagian Dapur, Siang Malam, Luar Dalam (Bhg. 1 & 2)
1992
Cetakan perak gelatin berwarna tangan
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Ismail Hashim merupakan perintis seni fotografi Malaysia yang mendokumentasikan kehidupan harian, daripada ruang dapur biasa dan peti surat di tepi jalan kepada basikal milik para pekerja. Beliau merakam aspek-aspek kehidupan yang biasa di Georgetown, ibu negeri Pulau Pinang; aspek-aspek yang mungkin dianggap kurang penting dalam catatan rasmi. Penggunaan warna yang teliti serta pemberian judul yang bersahaja dan kreatif dalam karya-karyanya mencerminkan kecintaan mendalam beliau terhadap tanah air.

Karya *Bahagian Dapur, Siang Malam, Luar Dalam (Bahagian 1 dan 2)* meraikan kreativiti dan usaha golongan suri rumah. Foto-foto ini memanfaatkan tingkap untuk menghasilkan komposisi bingkai yang padat. Besen, periuk, dan bakul disusun dengan teliti di atas panel kaca mendatar untuk dikeringkan, sekali gus mengubah kerja-kerja rumah menjadi satu pameran daya cipta yang bijak. Judul dalam bahasa Melayu ini menghubungkan perincian visual tersebut dengan pengalaman hidup kaum wanita. Frasa "siang malam" menekankan rentak kerja rumah tangga yang berterusan dan berulang, manakala "luar dalam" menonjolkan objek-objek yang diletakkan di ambang fizikal rumah. Melalui lensa ini, Ismail mengubah rutin harian yang sekilas menjadi satu penghormatan yang kekal abadi.

Karya *Penunggu-penunggu Surat Sepanjang Jalan Bagan Serai* memaparkan peti-peti surat yang terletak di antara Bagan Serai dan Taiping di Perak, dan ia merupakan sebahagian daripada siri yang mengandungi lebih daripada 80 keping foto. Sementara itu, *Tempat Duduk Basikal-basikal Buruh Pelabuhan Pulau Pinang* pula merakam imej pelana basikal milik para pekerja pelabuhan Pulau Pinang. Kedua-dua karya ini dihasilkan dengan teliti di dalam bilik gelap, dipangkas, dan diwarnakan dengan tangan. Apabila disusun dalam bentuk grid, objek-objek sederhana ini membentuk gambaran kolektif mengenai para pekerja dan masyarakat yang menghidupkan tempat-tempat tersebut.

⑦ Minstrel Kuik

RROSE: Kisah Dua Dunia

2004–2026

Cetakan laser pada kertas bebas asid, meja, keluli

Pada tahun 2004, Minstrel Kuik mula mengusahakan *RROSE* dan *Kata Ibu*, projek yang akhirnya menghasilkan buku seni tahun 2009 berjudul *RROSE: Kisah Dua Dunia*. Pada masa itu, beliau sedang mendalami bidang fotografi di Arles, Perancis, dan jarang berpeluang untuk pulang ke kampung halamannya di Pantai Remis, sebuah perkampungan nelayan di Perak, Malaysia. Walau bagaimanapun, beliau masih merasakan suatu ikatan dengan tanah airnya, memandangkan kedua-dua lokasi tersebut terletak di tepi laut.

Pada tahun 2005, Kuik mula mengkaji sejarah keluarganya serta merenung perasaan yang dikaitkan dengan kedua-dua tempat ini: Pantai Remis yang serba tidak menentu dan tampak berserabut, dan Arles yang berstruktur dan teratur. Pergerakan beliau di antara kedua-dua lokasi ini mendorongnya untuk meneliti dengan lebih mendalam erti pemergian, perpisahan, dan kesukaran untuk mengucapkan selamat tinggal.

Dalam versi tahun 2026 ini, Kuik kembali kepada karya *RROSE: Kisah Dua Dunia* dengan perspektif baharu. Tindakan mengucapkan selamat tinggal dan mengimbau kembali kenangan dilihat sebagai satu proses bertahap untuk menerima peredaran masa serta melepaskan masa lampau. Kuik mengembangkan buku seni asal tersebut menjadi satu karya instalasi yang lebih besar, yang merangkumi karya cetakan dan penerbitan berskala kecil. Berlandaskan himpunan kenangan sepanjang dua dekad, karya ini meneroka tema autobiografi, ketersingkiran, ritual, persekitaran, dan transformasi.

⑧ Wang Tuo

Tungus

2021

Video, saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 66 minit

Koleksi Muzium Seni Singapura

Tungus, bab ketiga dalam *Tetralogi Timur Laut* karya Wang Tuo, menyulam bersama kehidupan empat watak fiksyen dari era berlainan untuk mendalami memori kolektif. Beralih zaman dan lokasi, kisahnya mengikuti susuk yang menelusuri gangguan dalam ruang peribadi dan sejarah, termasuk dua orang askar yang melarikan diri dari konflik peperangan dan seorang cendekiawan yang kehilangan persepsi masa sewaktu dihimpit kelaparan. Dengan mengadunkan bunyi dan imej, Wang mengumpul naratif berasingan sehingga menjadi himpunan senada.

Dengan latar belakang pergolakan sosial pada abad ke-20 di Asia Timur Laut, filem ini menghubungkan perjalanan fiksyen yang berlainan melalui gerak kerja yang dipanggil Wang Tuo "pan-kepawangan." Dalam keadaan persis sinema dan seakan bermimpi, minda bergerak secara bebas merentas masa dan tempat, menghimpunkan kehidupan yang jauh berbeza dan kesedihan supaya berdialog. Berasaskan penceritaan spekulatif, *Tungus* meletakkan memori kolektif di dalam tubuh, menjejak kesudahan apabila pengalaman turun-temurun kekal mantap dalam kelaparan, mimpi dan ritual yang diwariskan zaman berzaman.

⑨ Kaede Yamato

Duduk dalam Waktu

2025

Video, serpihan peluru

Video: saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 2 minit 25 saat

Origami Pangkalan

2026

Pensel dan dakwat pada kertas

Dalam kedua-dua karya, Kaede Yamato mendalami ikatan peribadinya kepada rekod sejarah melalui pergerakan tubuh dan penyertaan audiens.

Duduk Dalam Waktu menumpukan sekeping fotograf dari Arkib Wilayah Okinawa yang memaparkan satu susuk tanpa nama dengan kepala bertunduk dan sebelah tangan menutupi muka. Yamato mengaitkan susuk tersebut kepada masa lalu datuknya sebagai banduan perang. Mengasingkan fotograf tersebut dalam simpanan sendiri, Yamato sebaliknya membawa sebuah trampolin kecil ke tapak perkhemahan di serata pulau, melompat di atas trampolin untuk mencerminkan susuk yang tunduk ketika detik singkat apabila bergerak seperti terapung.

Dalam *Origami Pangkalan,* Yamato mengolah pelan tapak awam di Okinawa kepada siri arahan ketika melipat kertas. Karya ini bermain dengan istilah "pangkalan" sebagai struktur ketenteraan dan bentuk pemula dalam seni origami. Pelawat boleh mengikut langkah yang tersedia dan menyumbang lipatan di SIP di SAM, membentuk semula pelan menjadi rama-rama secara beransur, sebagai metafora transformasi.

⑩ Susan Hiller

Hilang dan Ditemui

2016

Video, saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 30 minit

© Estet Susan Hiller; Ihsan Lisson Gallery

Hilang dan Ditemui menghimpunkan rakaman arkib suara yang bertutur dalam 23 bahasa; sesetengah daripadanya telah pupus, diancam kepupusan, atau telah dihidupkan semula. Rakaman-rakaman ini merangkumi cerita, lagu, kenangan, dan perbualan. Banyak daripadanya mencerminkan sifat bahasa yang dituturkan itu sendiri. Setelah dikumpul dan diarkibkan oleh penyelidik, suara-suara ini muncul semula pada skrin dalam karya Hiller. Suara-suara ini diletakkan secara berdampingan dan muncul satu demi satu, justeru mengubah skrin tersebut menjadi satu ruang pertemuan antara budaya.

Terjemahan dipaparkan sebagai sari kata, sementara satu garisan hijau yang bergerak-gerak membayangkan setiap suara dalam bentuk gelombang bunyi. Garisan ini menegaskan bahawa bahasa bukan sekadar tentang makna, malah merupakan sesuatu yang bersifat fizikal dan wujud—dibawa melalui hembusan nafas, bunyi, dan tubuh badan.

Dengan menyertakan bahasa yang telah dihidupkan semula serta bahasa yang masih dituturkan, Hiller meneliti bagaimana suara-suara arkib ini boleh kembali ke masa kini sebagai bentuk komunikasi yang hidup. Beliau mempersoalkan sama ada usaha memelihara bahasa semata-mata sudah memadai untuk mengekalkan masyarakat, pengalaman, dan budaya yang berkait rapat dengannya.

Hiller merupakan seorang seniman konseptual dan feminis yang berkarya menggunakan pelbagai medium sejak tahun 1970-an. Beliau secara konsisten meneroka batasan bahasa dan komunikasi. Karya beliau menyingkap bagaimana ilmu pengetahuan dibina, dirakamkan, dan disusun, serta jenis-jenis pengalaman yang mungkin telah terlepas pandang atau tidak disertakan.

⑪ Amy Suo Wu
dengan kerjasama Sarafina Paulina Bonita, Sami Hammana, Karen Huang dan Sandim Mendes

Shapeshifty
2021

Jubah, selendang, topi dengan tudung muka, tag

Melalui *Shapeshifty*, Amy Suo Wu mengembangkan amalan beliau dalam bidang penerbitan berasaskan penjelmaan fizikal, satu proses yang mana ilmu diterjemahkan kepada bentuk pakaian. Karya ini dihasilkan menerusi kerjasama dengan tiga orang artis yang berpangkalan di Belanda: Sarafina Paulina Bonita, Sami Hammana, dan Sandim Mendes.

Karya ini mengutarakan gagasan bahawa bahasa boleh disarung seperti pakaian dan dibaca seperti sebuah buku. Ia dipersembahkan dalam dua bentuk: sebagai sehelai jubah yang disampirkan pada rangka tubuh kayu, dan sebagai kanvas tegang yang menyerupai tekstur kulit. Setiap rakan kerjasama menyumbangkan suara mereka bagi satu bahagian pakaian tersebut, lantas meneliti tubuh sebagai wadah untuk bahasa dibawa dan diubah melalui pengalaman diaspora. Seperti makhluk yang mampu mengubah bentuk (*shapeshifter*), individu yang mengemudi pelbagai budaya sering beralih antara bahasa ibunda dengan bahasa-bahasa lain semasa berkomunikasi dan meneroka identiti diri mereka.

⑫ ila
dengan kerjasama Alysha Rahmat Shah dan Jennifer O'Connor

mantera apotropaik
2026

Sulaman pada kain kapas menggunakan pewarna daripada propagul bakau, dawai aluminium, kadbod dan balutan kertas pulpa bakau, bunyi (stereo)

Dipesan oleh Muzium Seni Singapura

Dalam *mantera apotropaik*, ila memaparkan dunia spekulatif di mana hutan paya bakau terakhir di dunia berada di ambang kelenyapan. Instalasi ini mengelilingi penonton dengan peta abstrak kepulauan Asia Tenggara maritim dan dua patung pokok. Penonton diperkenalkan kepada beberapa hutan paya bakau yang berbeza melalui kisah budaya setempat, hasil semulajadi, perikanan yang bergantung kepada ekosistem bakau, flora dan fauna, arus lautan, angin monsun dan arah penyerakan propagul bakau. Landskap sonik pendamping karya mengadunkan rakaman kajian lapangan yang diambil di hutan paya bakau yang dikunjungi ila.

Hidup di batas tanah dan laut, pokok bakau ialah habitat berubah-ubah yang mempunyai pinggir perairan yang sering beralih tempat dan didiami pelbagai makhluk termasuk ketam, belacak, ikan, lebah kelulut, siput, burung dan ular. Kita sering merujuk kepada peta untuk mengenal pasti negeri dan negara yang berlainan, namun di sini ila mempelawa kita untuk menyaksikan persekitaran yang dikongsi melalui rimbunan hutan paya yang menghubungkan tanah, laut dan komuniti.

⑬ Vincent Rumahloine

Jangan Kata Aku Wira: Finale

2026
Video, gambar foto, bunyi (stereo)
Video: saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 25 minit
Dipesan oleh Muzium Seni Singapura

Jangan Kata Aku Wira: Finale menghimpunkan pengalaman hidup, kenangan peribadi dan diari visual rakyat Indonesia yang tinggal di luar negara pada 1960-an dan membina kehidupan baharu di Republik Czech. Dipamerkan di ruang tamu intim yang dilengkapi koleksi gambar keluarga dan barang kepunyaan yang disayangi, karya Vincent Rumahloine mempelawa penonton untuk singgah di ruang domestik komuniti.

Projek ini bermula di Prague, di mana Rumahloine bertemu Soegeng Soejono, juga dikenali sebagai Bung Yono, yang telah membina kehidupan baharu di luar negara. Kisah-kisah yang dikongsi Bung Yono membawa kepada kisah individu lain seperti Rony Marton, bekas penuntut yang menjadi penyanyi profesional pada 1970-an. Menurut Bung Yono, kecekalan meneruskan kehidupan jauh dari kampung halaman bukan tanda keberanian, tetapi keperluan untuk terus mandiri. Dia menekankan bahawa pengalamannya hanya satu daripada pelbagai kisah di luar sana. Melalui kisah-kisah peribadi ini, Rumahloine merenung betapa sejarah individu kekal hadir dalam kenangan, barang kepunyaan dan persahabatan.

⑭ Leyla Stevens

PAHIT MANIS, Hutan Malam

2024
Video, saluran tunggal, nisbah aspek 16:9, warna dan bunyi (stereo), 28 minit

Dalam karya *PAHIT MANIS, Hutan Malam*, seorang dalang duduk di bawah sebatang pokok beringin tua, menyampaikan kisah tentang kemusnahan alam sekitar di Bali. Gerak-gerinya penuh cermat dan suaranya memancarkan rasa dukacita serta kemarahan, mencerminkan kerumitan kisah-kisah yang dituturkannya. Kisah-kisah ini diilhamkan oleh cerita Tantri, kisah lama masyarakat Bali yang menampilkan haiwan dan makhluk mitos sebagai penyampai pengajaran moral.

Narasi dalang ini digabungkan dengan animasi monokromatik yang membawa penonton menelusuri landskap alam semula jadi yang tebal dengan kehadiran makhluk-makhluk fantasi. Animasi ini mengolah semula siri lukisan gaya Batuan yang dihasilkan pada tahun 1930-an. Dengan mengubah imej statik menjadi persembahan yang bergerak, artis tersebut meninjau semula seni penceritaan Bali yang berasaskan lukisan, serta menegaskan bagaimana tradisi sebegini boleh diperbaharui dan melalui proses metamorfosisnya yang tersendiri.

Karya ini dirakamkan terutamanya di Jembrana, salah satu kawasan hutan dara (hutan asli yang belum diterokai) yang terakhir di barat daya Bali. Ketika pusat-pusat bandar di Bali semakin berkembang akibat pelancongan dan pembangunan, hutan seperti ini kian terancam. *PAHIT MANIS, Hutan Malam* merupakan satu bentuk ratapan terhadap kehilangan habitat serta seruan untuk melindungi hutan yang masih wujud. Suara dalang itu diiringi rakaman bunyi hutan, menyatukan suara manusia dan alam dalam satu paduan bunyi yang begitu ketara dan mustahil untuk diabaikan.

⑮ Nona Garcia

Pemulihan

2015

Imej sinar-X, kepingan akrilik, kayu, dawai, lampu LED, transformer, bunyi

Koleksi Muzium Seni Singapura

Ditempatkan di dalam sebuah bilik yang dimalapkan, karya *Pemulihan* terdiri daripada 60 kotak cahaya yang memaparkan imej sinar-X, diiringi bunyi dengungan berterusan yang mengingatkan kita kepada aliran elektrik melalui wayar atau bunyi cengkerik pada waktu malam.

Sinar-X digunakan untuk mendedahkan apa yang terkandung di dalam tubuh. Nona Garcia mempersoalkan ketepatan kaedah fotografi sinar-X dalam amalan seninya. Minat ini berpunca daripada zaman kanak-kanaknya, memandangkan beliau membesar di persekitaran yang dipenuhi peralatan perubatan di sebuah hospital kecil di Manila yang dikendalikan oleh ibu bapanya.

Objek-objek yang dipaparkan adalah milik masyarakat Ifugao dari kawasan pergunungan Cordillera di Filipina. Mereka merupakan penduduk orang asal yang menentang pelbagai serangan Sepanyol dengan memperkukuh amalan pertanian dan sosial mereka, yang seterusnya memupuk perpaduan sosial. Antara objek tersebut ialah *bulul*, arca kayu yang melambangkan dewa penjaga tanaman padi, dan loket kesuburan *ling ling-o*; kedua-duanya merupakan objek azimat yang sering dikaitkan dengan amalan penyembuhan.

Walaupun imej sinar-X mendedahkan bahagian dalaman objek yang tersembunyi, makna sebenar objek-objek tersebut seolah-olah tidak dapat ditangkap oleh panjang gelombang radiasi itu. Garcia menyusun imej-imej tersebut dalam bentuk gunung bagi mencerminkan landskap berbukit-bukau di Baguio, sekali gus mengimbau kembali asal usul objek-objek ini dari wilayah Cordillera. Beliau menekankan hubungan objek-objek tersebut dengan tempat asalnya serta menarik perhatian terhadap keterbatasan dalam mengutamakan deria penglihatan berbanding deria-deria lain. Karya ini mengajak kita untuk meneliti bentuk-bentuk pengetahuan yang mungkin muncul apabila kita melangkaui apa yang dapat dilihat oleh mata kasar.

⑯ Jewyo Rhii

Depot Pusingan – Singapura Seoul

2026

Struktur logam bermotor

Depot Pusingan – Singapura Seoul merupakan sebahagian daripada siri berterusan oleh Jewyo Rhii, *Sayangi Depot Anda*, iaitu satu sistem penyimpanan dan pameran terbuka yang direka untuk menyokong karya seni melangkaui kitaran pameran dan pasaran seni. Rhii mengetengahkan proses penghasilan, pengangkutan, pemasangan dan penyimpanan seni yang sering kali tidak kelihatan. Beliau mengubah karya seninya sendiri menjadi satu struktur yang menempatkan karya artis lain, sekali gus mencerminkan nasib karya seni setelah sesuatu pameran berakhir.

Edisi *Depot Pusingan – Singapura Seoul* ini menghimpunkan karya artis yang berpangkalan di Singapura dan Seoul, Korea Selatan—dua bandar raya Asia yang telah mengalami pembangunan pesat. Di kedua-dua lokasi ini, ruang-ruang yang lazim dikenali semakin lenyap, mewujudkan jurang antara generasi sambil mereka mengalami dan mengingati bandar raya yang sama dengan cara yang berbeza. Karya-karya ini meneliti cara hidup, cara mengingati dan cara mengekalkan amalan kesenian yang alternatif dalam landskap bandar raya yang dinamik ini.

Dibina menggunakan bahan industri dan sistem penyimpanan, *Depot Pusingan – Singapura Seoul* ialah struktur kinetik berbentuk silinder yang berputar secara perlahan, mempamerkan karya-karya yang dibawanya dari pelbagai sudut. Pergerakannya yang perlahan mengajak penonton untuk mengenal pasti hubungan antara karya yang ditempatkan bersebelahan; kedudukan yang rapat ini memberi bayangan tentang perkaitan merentas bandar raya, generasi dan amalan seni.

Dokumen ini merupakan terjemahan daripada teks asal pada dinding pameran yang disediakan untuk tujuan maklumat sahaja. Segala usaha telah dilakukan bagi memastikan ketepatannya; walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terjemahan ini dengan bahan sumber asal, versi bahasa asal akan diguna pakai.